



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN

ANTARABANGSA

INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE STATISTICS (IMTS)

JANUARI

JANUARY

2022




SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA
JANUARI 2022

TAJUK UTAMA: JUMLAH PERDAGANGAN MENINGKAT SEBANYAK 92.8 PERATUS
BAGI BULAN JANUARI 2022

1. Pada bulan Januari 2022, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan nilai jumlah perdagangan sebanyak BND2,607.8 juta, iaitu peningkatan sebanyak 92.8 peratus daripada BND1,352.6 juta pada bulan yang sama tahun 2021. Manakala, bagi perubahan bulan-ke-bulan, jumlah perdagangan bagi bulan Januari 2022 menurun sebanyak 1.2 peratus berbanding dengan bulan Disember 2021.


Prestasi Perdagangan Bagi Negara Brunei Darussalam



2. Jumlah eksport meningkat 128.9 peratus tahun-ke-tahun kepada BND1,487.7 juta berbanding BND649.9 juta pada Januari 2021. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport Bahan Api Galian kepada BND1,072.0 juta (Januari 2022) daripada BND542.2 juta (Januari 2021). Di samping itu juga, eksport Kimia meningkat kepada BND377.9 juta pada bulan Januari 2022 daripada BND81.6 juta di bulan yang sama pada tahun 2021.


3. Peningkatan eksport Bahan Api Galian didorong oleh peningkatan dalam nilai eksport Gas Cecair Asli (LNG) dan produk petroleum. Peningkatan eksport LNG adalah disebabkan oleh peningkatan harga purata kepada USD11.27 per MMBtu pada bulan Januari 2022 daripada USD7.04 per MMBtu pada bulan Januari 2021. Manakala nilai eksport produk petroleum dari aktiviti hiliran meningkat kepada BND542.5 juta daripada BND145.5 juta pada tempoh yang sama, yang mana komoditi utama adalah bahan api diesel automotif.
4. Dari segi komoditi mengikut seksyen, Bahan Api Galian merupakan penyumbang utama kepada eksport Negara Brunei Darussalam iaitu 72.1 peratus, diikuti dengan Kimia (25.4 peratus) dan Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (1.1 peratus).
5. Pasaran eksport utama pada bulan Januari 2022 adalah Jepun dengan 24.7 peratus diikuti oleh Republik Rakyat China (21.8 peratus), Singapura (10.2 peratus) dan Viet Nam (10.1 peratus). Komoditi eksport terbesar ke negara Jepun adalah Bahan Api Galian, manakala, ke negara Republik Rakyat China adalah Bahan-bahan Kimia.

Peratus Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



6. Bagi import pula, jumlah nilai menunjukkan peningkatan kepada BND1,120.1 juta (Januari 2022) daripada BND702.7 juta (Januari 2021) terutamanya disebabkan oleh peningkatan import Bahan Api Galian.
7. Lima komoditi import utama pada bulan ini adalah Bahan Api Galian dengan 73.5 peratus diikuti oleh Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan (9.1 peratus), Makanan (5.7 peratus), Barang-Barang Keluaran Kilang (3.6 peratus) dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (3.5 peratus).

Lima Komoditi Import Utama



8. Mengikut Kategori Penggunaan Akhir, import Barang Perantaraan menyumbang sebanyak 59.1 peratus dari jumlah import diikuti oleh import Barang Modal (36.7 peratus) dan Barang Penggunaan (4.2 peratus).
9. Mengikut mod pengangkutan, pada bulan Januari 2022, peratus yang tertinggi bagi kedua-kedua eksport dan import adalah mod pengangkutan laut berjumlah BND2,470.2 juta atau 94.7 peratus. Ini diikuti oleh pengangkutan udara (BND107.6 juta atau 4.1 peratus) dan melalui darat (BND29.8 juta atau 1.1 peratus).
10. Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (International Merchandise Trade Statistics, IMTS) bagi Negara Brunei Darussalam menggunakan “General System” bagi merekodkan perangkaan perdagangan yang meliputi import, eksport domestik dan eksport semula. Laporan penuh IMTS bagi bulan Januari 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.




MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE STATISTICS (IMTS)
JANUARY 2022

HEADLINE: TOTAL TRADE INCREASED BY 92.8 PER CENT IN JANUARY 2022


1. In January 2022, Brunei Darussalam's total trade was valued at BND2,607.8 million, an increase by 92.8 per cent from BND1,352.6 million during the same month last year. Meanwhile, for month-to-month changes, total trade for January 2022 decreased by 1.2 per cent compared to December 2021.



2. Total exports increased by 128.9 per cent year-on-year to BND1,487.7 million compared to BND649.9 million in January 2021. This was mainly due to the increase in Mineral Fuels exports to BND1,072.0 million (January 2022) from BND542.2 million (January 2021). In addition, Chemicals exports increased to BND377.9 million in January 2022 from BND81.6 million in January 2021.


3. *The increase in Mineral Fuels exports was largely due to an increase in the value of exports Liquefied Natural Gas (LNG) and petroleum products from the downstream activities. The increase in exports of LNG was due to an increase in the average price to USD11.27 per MMBtu in January 2022 from USD7.04 per MMBtu in January 2021. Meanwhile, the exports value of petroleum products from downstream activities increased to BND542.5 million from BND145.5 million during the same period, of which the main commodity was automotive diesel fuels.*
4. *In terms of commodity by section, Mineral Fuels represents the major contributor to Brunei Darussalam's exports at 72.1 per cent, followed by Chemicals (25.4 per cent), and Machinery and Transport Equipment (1.1 per cent).*
5. *The main exports market in January 2022 was Japan at 24.7 per cent followed by People's Republic of China (21.8 per cent), Singapore (10.2 per cent) and Viet Nam (10.1 per cent). The largest export commodity to Japan was Mineral Fuels; and Chemicals to the People's Republic of China.*

Share of Exports by Trading Partners



6. *For imports, the total value increased to BND1,120.1 million (January 2022) from BND702.7 million (January 2021) mainly due to a significant increase in imports of Mineral Fuels.*
7. *The five main imports by commodity were Mineral Fuels with 73.5 per cent, followed by Machinery and Transport Equipment at (9.1 per cent), Food at (5.7 per cent), Manufactured Goods (3.6 per cent) and Miscellaneous Manufactured Articles (3.5 per cent).*

Five Main Imports by Commodity



8. *By End Use Category, imports of Intermediate Goods accounted for 59.1 per cent of the total imports, followed by Capital Goods (36.7 per cent) and Consumption Goods (4.2 per cent).*
9. *According to the mode of transport, in January 2022, the highest share for both exports and imports was transport by sea, which amounted to BND2,470.2 million or 94.7 per cent. This was followed by air transport (BND107.6 million or 4.1 per cent) and via land (BND29.8 million or 1.1 per cent).*
10. *The International Merchandise Trade Statistics (IMTS) for Brunei Darussalam adopts the General System for recording trade statistics, which covers imports, domestic exports, and re-exports. The IMTS full report for January 2022 is available from the DEPS's website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*